

**KM JAS 16/2024**



**SIARAN MEDIA  
JABATAN ALAM SEKITAR**

---

**LAPORAN STATUS KUALITI UDARA  
DALAM NEGARA**

---

**2 Mei 2024, PUTRAJAYA** - Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web Jabatan Alam Sekitar pada jam 11 pagi ini menunjukkan 35 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 29 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. Satu (1) stesen mencatatkan kualiti udara pada tahap tidak sihat iaitu di Stesen Rompin, Pahang disebabkan oleh kebakaran setempat.

Letusan semula Gunung Berapi Ruang, di Sulawesi Utara pada 4.40 pagi, 30 April 2024 lalu, **tidak menjaskan kualiti udara di Malaysia**. Asap debu letusan tidak memberi kesan ketara kepada bacaan IPU stesen-stesen pengawasan kualiti udara di Malaysia. Tiada peningkatan bacaan pencemar pepejal terampai (PM2.5 dan PM10), sulfur Dioksida (SO<sub>2</sub>), Nitrogen Dioksida (NO<sub>2</sub>), Ozon (O<sub>3</sub>) dan Karbon Monoksida (CO) yang

berpunca daripada asap debu letusan direkodkan.

**JAS akan terus memantau bacaan IPU dari masa ke semasa dan bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di ‘Google Play’ .**

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia